

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

**SBP220 - Pengantar Perancangan Pembangunan**

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan. Bahagian A **MESTI** dijawab. Pilih **SATU** soalan dari Bahagian B dan jawab **SEMUA** soalan Bahagian C.

**BAHAGIAN A (MESTI dijawab) [40%]**

1. Anda adalah seorang Pegawai Projek Khas Jabatan Perdana Menteri yang dihantar ke Daerah Grik, Perak. Anda telah diberi kuasa untuk menentukan serta melaksanakan satu projek yang difikirkan boleh meningkatkan pendapatan penduduk termiskin di kawasan berkenaan. Sumber perbelanjaan tidak dihadkan bagi projek yang dipilih kerana anda telah membuktikan keberkesanan anda apabila anda telah berjaya melaksanakan tugas dan tanggung jawab yang sama sewaktu anda dihantar ke Daerah Baling lima tahun yang lalu.

Huraikan langkah-langkah yang akan diambil dan sebab-sebabnya dalam memenuhi tugas dan tanggung jawab anda itu.

**BAHAGIAN B (Pilih salah **SATU** soalan berikut):**

2. Dalam bukunya "Investing in Development" (1985:5), Baum dan Tolbert menganggap "projek sebagai penentu pembangunan". Apakah yang dimaksudkan oleh penulis berkenaan dan berdasarkan satu projek khusus yang terdapat di Malaysia terangkan maksud ungkapan tersebut dengan lebih terperinci lagi.

[30%]

3. Kemunculan idea bagi sesuatu projek itu muncul dari pelbagai sumber. Salah satu sebab mengapa sesuatu projek pembangunan difikirkan dan dilaksanakan adalah semata-mata atas sebab politik. Huraikan masalah-masalah yang mungkin timbul serta faedah-faedah yang wujud bagi projek yang dilaksanakan berlandaskan pertimbangan politik.

[30%]

4. "Tidak semua projek dapat dilihat dari sudut faedah dan kos sahaja. Banyak lagi pertimbangan lain yang perlu diambil kira dalam mengenalpasti dan melaksanakan sesuatu projek".

Huraikan maksud kenyataan tersebut berserta dengan contoh-contoh yang spesifik berdasarkan pengalaman di Malaysia

(30%)

**BAHAGIAN C** (30%)

5. Berikut ialah butir kos dan faedah bagi Projek Astanah. Berdasarkan butir berkenaan jawab semua soalan di bawah.

Tahun	Kos Modal	Kos Mengurus	Hasil
0	2440	-	-
1	2210	-	-
2	1230	990	-
3	-	905	-
4	-	885	-
5	-	1045	2055
6	-	1045	2055
7	-	1045	2550
8	-	1045	2550
9	-	1245	1850
10	2000	1045	3508
11	-	835	3508
12	-	855	3508
13	-	1066	4008
14	-	1048	4545
15	-	1130	4550

- (a) Cari Nilai Kini Bersih pada Kadar Diskaun 10%.
- (b) Cari Kadar Pulangan Dalaman bagi Projek Astanah berkenaan.
- (c) Cari Nilai Kini Bersih pada Kadar Diskaun 10% sekiranya Kos Mengurus meningkat pada kadar 20% mulai Tahun ke 10 dan pada masa yang sama Hasil turut meningkat sebanyak 15% mulai Tahun ke 8.